

# Pesaka beri mandat - 8 SEP 1990 kepada 96 perwakilan



**B. Haran (M)**

**PERSEKUTUAN** Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) memberi mandat kepada 96 perwakilan bagi mencorak pentadbiran baru dalam mesyuarat agung pemilihan yang akan dirasmikan oleh Raja Muda Selangor di Subang Jaya, esok.

Sejauh ini, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Haji Muhammad Haji Muhd Taib, disebut-sebut menerajui badan induk kebangsaan bagi menggantikan Presiden sekarang, Datuk Abdul Rahman Mahmud.

Datuk Abdul Rahman diberitahu tidak bersedia mempertahankan kerusi

yang disandang sejak 1983 bagi memberi laluan kepada tokoh baru. Lagi pun beliau kesuntukan masa kerana terpaksa menumpu perhatian penuh kepada politik negara menjelang pilihanraya umum.

Setiausaha Perlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Abdul Rahman Sulaiman, pula akan mengisi jawatan Timbalan Presiden Pesaka yang akan dikosongkan oleh, Exco kerajaan negeri Kelantan, Haji Hassan Ismail.

Pesaka juga turut menerima usul daripada perwakilan untuk me-

lantik Raja Muda Selangor sebagai penasihat kepada badan induk silat kebangsaan itu.

Kedudukan tiga Naib Presiden Pesaka sekarang — Haji Hamdan Yusof (Sarawak), Haji Anuar Wahab (Gayong Fatani), Zainal Hassan (Pahang) — juga dikatakan tidak selamat.

Dua tokoh yang disebut bertanding jawatan Naib presiden ialah Presiden Majlis Silat Selangor (Masis), Datuk Onn Ismail, Presiden Silat Lincah, Haji Rahim Manan dan bekas pengurus silat kebangsaan, Haji Shafie Abdul Rahman.